

Malaysia, Brazil teroka peluang baharu menerusi ASEAN, BRICS

Kerjasama buka peluang pelaburan, perdagangan dan teknologi

Daripada Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@bh.com.my
di Rio de Janeiro



Malaysia dan Brazil meneroka peluang baharu melalui platform ASEAN dan BRICS sebagai langkah memperluas kerjasama strategik.

Keputusan itu dicapai menerusi pertemuan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva di sela-sela Sidang Kemuncak G20 di Rio de Janeiro, kelmarin.

Pertemuan itu turut meraikan ulang tahun ke-65 hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara, yang berasaskan nilai bersama seperti keamanan, kerjasama dan pembangunan lestari.

Kedua-dua pemimpin mengalu-alukan potensi kerjasama pada 2025, ketika Malaysia mempengetuai ASEAN dan Brazil mengetuai BRICS serta COP30.

Kerjasama berkenaan dijangka membuka peluang untuk menggabungkan kekuatan kedua-dua negara, khususnya dalam perdagangan, pelaburan dan teknologi.



Anwar bersama pemimpin industri selepas Mesyuarat Meja Bulat bersama Industri Brazil di Rio de Janeiro, semalam.

(Foto BERNAMA)

Malaysia dan Brazil turut menyatakan komitmen menyokong sistem multilateral yang lebih demokratik, telus dan seimbang, mencerminkan realiti politik serta ekonomi abad ke-21.

Anwar dan Lula da Silva menekankan kepentingan memperluas perdagangan dua hala dan aliran pelaburan sebagai pemacu pembangunan ekonomi kedua-dua negara.

Mereka turut bersetuju perjanjian pelaburan dua hala mampu meningkatkan hubungan ekonomi dan menjadikan kedua-dua negara rakan dagangan strategik.

Antara sektor yang menjadi tumpuan ialah industri semikon-

duktor, dengan memorandum persefahaman (MoU) yang dimerai sebelum ini membuka jalan untuk dialog lebih intensif antara kerajaan, sektor swasta dan institusi penyelidikan.

Sebagai negara megadiverse, Malaysia dan Brazil turut menyokong pengiktirafan mekanisme Tropical Forest Forever Facility yang diperkenalkan Brazil di COP28. Kedua-dua negara berhasrat untuk bekerjasama dalam merangka mekanisme ini menjelang pelancarannya di COP30 di Belem, Brazil pada 2025.

Dalam konteks tenaga, kedua-dua negara menyatakan sokongan terhadap usaha peralihan tenaga yang adil, dengan me-

ngambil kira keperluan negara membangun, sambil meneroka potensi biofuel sebagai langkah mengurangkan karbon dalam sektor pengangkutan.

Senada isu di Gaza

Malaysia dan Brazil turut menyuarakan keprihatinan terhadap konflik di Gaza, menegaskan keperluan gencatan senjata segera dan menuntut akses kemanusiaan kepada rakyat Palestin.

Dalam usaha memperkukuhkan hubungan, kedua-dua pemimpin menyambut baik kerjasama melalui Perkongsian Dialog Sektorial ASEAN-Brazil, yang menyediakan rangka kerja untuk inisiatif praktikal dalam

pelbagai bidang.

Anwar turut menjemput Lula da Silva untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Berkaitan di Kuala Lumpur pada 2025 sebagai tetamu istimewa Malaysia.

Jemputan itu disambut baik oleh Presiden Brazil, menandakan permulaan baharu dalam hubungan strategik di antara Malaysia dan Brazil.

Dengan kesepakatan berkenaan, Malaysia dan Brazil mengukuhkan komitmen untuk menerajui perubahan global melalui kerjasama erat, sekali gus memanfaatkan kedudukan strategik masing-masing dalam ASEAN dan BRICS.